

**FOREX: Ringgit Lebih Tinggi Berbanding Dolar AS**  
**Bernama**  
**20 Disember, 2011**

KUALA LUMPUR, 20 Dis (Bernama) -- Ringgit mengakhiri dagangan pada paras lebih tinggi berbanding dolar AS Selasa menjelang pengumuman data-data inflasi yang dijadualkan esok, kata peniaga.

Pada pukul 5.00 petang, ringgit diniagakan pada 3.1800/1830 berbanding 3.1820/1850 semalam.

Seorang peniaga berkata ringgit menebus sebahagian daripada kejatuhannya ekoran jangkaan momentum pertumbuhan harga pengguna yang lebih lembap pada November.

"Bagaimanapun, dagangan kecil sahaja dan pelabur-pelabur enggan mengambil pegangan yang besar," katanya.

Ringgit menunjukkan prestasi bercampur-campur berbanding mata wang utama lain.

Ia meningkat berbanding dolar Singapura kepada 2.4353/4374, daripada 2.4359/4389 semalam dan mengukuh berbanding yen kepada 4.0822/0881 daripada 4.0832/0912 sebelumnya.

Mata wang utama itu susut berbanding pound sterling kepada 4.9516/9572, daripada 4.9334/9387 sebelumnya dan turun berbanding euro kepada 4.1448/1497 daripada 4.1423/1469 semalam.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=635432>